

TERHAD

NO. KAD PENGENALAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



KOLEJ VOKASIONAL MALAYSIA

BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

DIPLOMA VOKASIONAL MALAYSIA

A07 500

PENDIDIKAN MORAL

SEMESTER 1 2014 (SEPT/OKT)

PENILAIAN AKHIR

1½ Jam

ARAHAN PENILAIAN

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
2. Baca arahan soalan dengan teliti. Rujuk kepada Pengawas Peperiksaan / Pentaksir sekiranya terdapat sebarang kekeliruan.
3. Anda tidak dibenarkan berbincang atau berhubung dengan calon lain semasa peperiksaan.
4. Anda dikehendaki menjawab dalam ruang jawapan yang disediakan pada kertas soalan ini. Anda boleh meminta kertas jawapan tambahan sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi.
5. Jawapan anda hendaklah dihantar bersama dengan kertas soalan ini.

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>	
<i>Nama</i>	
<i>Pemeriksa</i>	
BAHAGIAN	MARKAH
A	/20
B	/30
Jumlah	/50

Kertas soalan ini mengandungi **11** halaman bercetak.

Bahagian A**(20 markah)****ARAHAN: Jawab Semua Soalan**

1. Tandakan (√) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berdasarkan pemikiran moral.

- (a) Brandah yang mengamalkan pemikiran naturalism tidak mengalami () tekanan hidup kerana dia menerima sahaja apa yang berlaku.
- (b) Pengamal pemikiran emotivis akan bertindak selepas membuat () pentafsiran dan pertimbangan yang wajar.
- (c) Orang yang mengamalkan pemikiran lateral mempunyai daya () imaginasi yang kreatif dan sensitif.
- (d) Golongan rasionalis akan mentafsir konsep baru melalui pengalaman () lamanya.

(4 markah)

2. Lengkapkan petikan di bawah dengan jawapan yang betul.

Wawasan 2020 menggariskan 9 cabaran yang perlu dihadapi untuk mencapai kejayaan. Wawasan ini merangkumi semua aspek kehidupan termasuklah sosial, politik, kerohanian dan (a)


Salah satu cabaran ialah mewujudkan Negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat dikongsi bersama. Ini bermakna setiap rakyat Malaysia dengan nyata dan ikhlas menerima negara Malaysia sebagai (b) yang tercinta dengan

memberi (c) yang sepenuhnya kepada raja dan Negara.
 (d)..... di antara rakyat berbilang kaum adalah asas yang kukuh untuk pembinaan negara. Dengan ini, dapatlah kita berusaha menangani cabaran-cabaran seterusnya bagi merealisasikan wawasan gemilang ini.

(4 markah)

3. Berdasarkan gambar dan keterangan di bawah, sosialisasi berlaku melalui proses interaksi sosial. Sesuaikan maklumat yang diberi dengan keterangan gambar tersebut.

Peraturan sosial perayaan meniru budaya jati diri potensi diri



Sosialisasi melalui
 (a)
 dan
 (b).....
 kaum.

Norma dan
 (c)

 yang tidak dikawal
 memberi kesan
 perubahan tingkah
 laku yang
 terlampau.

(d)

 dapat bertahan dan
 berkembang
 sekiranya manusia
 dapat melihat dan
 bertahan dengan
 ancaman pemikiran
 yang negatif.

(4 Markah)

4. Agen sosialisasi dapat membina nilai moral dalam masyarakat. Padankan keterangan nilai moral dengan agen sosialisasi yang betul menggunakan garisan → .

Keterangan Nilai Moral

(a) Peranan dan tanggungjawab diri sebagai anggota masyarakat yang menghayati kepentingan hidup bersama bagi mengekalkan keharmonian dalam masyarakat.

(b) Konflik jiwa, tidak puas hati terhadap undang-undang dan dasar pendidikan menyebabkan pelajar melakukan perkara-perkara di luar jangka. Mereka perlu dilatih dan diasuh dengan budaya berbilang kaum supaya tidak keterlaluan.

(c) Kewajipan dan tanggungjawab diri dalam menghormati dan menjaga maruah setiap anggota demi kebahagiaan dan keharmonian hidup bersama.

(d) Peranan rakan dapat mencorakkan personaliti individu tertentu dan menyumbang berlakunya gejala sosial terutama kepada pelajar yang tercicir dalam pelajaran serta yang mengalami masalah keluarga.

Agen Moral

Keluarga asas, dan Keluarga kembangan

Luar kolej dan di dalam kolej

Komuniti, sosio-ekonomi dan organisasi/ pertubuhan

Pentadbir, pensyarah, budaya, iklim dan fizikal


(4 Markah)

5. Tulis nombor 2 hingga 5 mengikut urutan Prinsip Rukun Negara berdasarkan padanan gambar dan keterangan di bawah.

Gambar

Nombor


Keterangan




Malaysia mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan dan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong sebagai Ketua Negara.




Beragama menjadikan bangsa dan negara ini sebagai satu bangsa dan negara yang berdaulat.



Perkembangan personality dan tingkah laku membentuk warganegara yang bersopan santun.



Keadilan diasaskan di mana setiap rakyat sama tarafnya.



Prinsip rakyat menerima, mematuhi dan mempertahankan kemuliaan perlembagaan negara.

(4 Markah)

Bahagian B**(30 Markah)****3 soalan**

ARAHAN: Jawab **Semua** Soalan dalam ruang jawapan yang diberi

6. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menyatakan bahawa

“ Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan kearah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis.....”

a) Nyatakan **dua** daripada aspek – aspek perkembangan individu yang ditekankan dalam pendidikan di Malaysia.

(2 markah)

(b) Berikan **dua** ciri seseorang yang berpendidikan berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

(2 markah)

(c) Kenapakah Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu? Huraikan pendapat anda.

(2 markah)

(d) Huraikan secara ringkas bagaimana seorang pelajar boleh memperkembangkan lagi potensi diri.

(4 markah)

7. Salah satu daripada 9 cabaran dalam Wawasan 2020 ialah Negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat di kongsi bersama.

(a) Nyatakan **dua** cabaran Wawasan 2020 selain daripada yang dinyatakan di atas.

(2 markah)

(b) Pilih satu cabaran daripada 7(a) dan nyatakan **dua** nilai moral yang terkandung dalamnya.

(2 markah)

(c) Huraikan **satu** kepentingan Wawasan 2020.

(2 markah)

(d) Terangkan **dua** faedah mengaplikasi cabaran Wawasan 2020 dalam kehidupan seharian.

(4 markah)

8. Setelah menamatkan pengajian di Kolej Vokasional dalam Teknologi Automotif, Ramlan bercadang untuk membuka sebuah bengkel servis dan membaiki kereta.

Nyatakan **satu** jenis pemikiran yang perlu diamalkan oleh Ramlan.

Terangkan tindakan – tindakan bermoral yang Ramlan harus ambil berdasarkan pemikiran moral yang anda nyatakan.

(10 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

